

HAJI MABRUR

AHMAD JUNAIDI BIN MOHAMAD SAID
SMK BATU SEPULUH LEKIR
32020 SITIAWAN PERAK
011-32952548
www.dakwahpdf.blogspot.com

HADIS

وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

Haji yang mabrûr tidak lain pahalanya
adalah surga. (HR. al-Bukhâri 1683)
dan Muslim 1349.

- Diriwayatkan daripada Ibn Umar r.a. dalam sebuah hadis yang panjang antaranya Allah s.w.t berfirman kepada hamba-Nya yang bermaksud: “Keluarlah kamu dari Arafah dengan dosa yang telah diampunkan daripada kamu dan daripada sesiapa sahaja yang kamu pinta ampun bagi pihak mereka. Setiap biji batu yang kamu lontar di jamrah akan menghapuskan dosa kamu. Korban yang dilakukan pahalanya akan disimpan untukmu di sisi Tuhanmu. Kepala yang kamu cukur, bagi setiap helaian rambutnya akan diberi pahala dan dihapuskan dosa. Tawaf ifadhah yang kamu lakukan bakal menjadikan kamu tiada dosa lagi.
- Sesudah itu malaikat datang dan meletakkan tangannya di atas bahumu dengan berkata: "Beramallah kamu dengan amalan yang baru dan baik selepas ini. Sesungguhnya dosa-dosamu yang lepas telah diampunkan." (Riwayat al-Bazzar dalam Majma' al-Zawa'id, jil. 3, hlm. 274, Kashf al-Astar, jil. 2, hlm. 8 dan Sahih al-Jami' al-Saghir, jil. 1, hlm. 429, no. 1373)

- Ibnu Rajab rahimahullah berkata: “Maka haji mabrûr adalah yang terkumpul di dalamnya amalan-amalan baik dan menghindari perbuatan-perbuatan dosa.
- Di antara amalan khusus yang disyariatkan untuk meraih haji mabrûr adalah bersedekah dan berkata-kata baik selama haji.
- Nabi saw pernah ditanya tentang maksud haji mabrûr, maka beliau menjawab:
 - إِطْعَامُ الطَّعَامِ وَطَيْبُ الْكَلَامِ
- Memberi makan dan berkata-kata baik. HR. al-Baihaqi 2/413 (no. 10693),

KESAN KEMABRURAN

1. Berpegang kepada Aqidah yang benar dan menjauhi syirik dan khurafat.
 - Tahyulan, kepercayaan karut , tangkal & sial.
 - dunia syirik, sihir, perbomohan, pemeliharaan jin dan seumpamanya,

• إن الشرك لظلم عظيم

“Sesungguhnya syirik itu merupakan kezaliman yang sangat besar.”

2. Itizam dengan Solat Jamaah dan Solat Sunat / Witr

- Sabda Nabi s.a.w: "Barangsiapa yang mendengar azan lalu tidak menghadiri solat jamaah maka seolah-olah tiada solat baginya kecuali jika uzur (ketakutan atau sakit)." [Ibnu majah].
- Sabda Nabi s.a.w: "Solat berjemaah lebih afdhal dari solat secara bersendirian sebanyak 27 darjat." [Muslim].

3. Melazimi pakaian taqwa dan patuh syariat

- Panduan utama menerusi firman Allah Ta'ala dalam surah al-Nur ayat 31:
- Aurat sesama ajnabi dan mahram
- Etika berpakaian – ketat, nipis dan susuk badan
- Seluruh keluarganya dipelihara akhlak dan cara berpakaian ketika keluar rumah.

4. Teruskan amalan-amalan Sunat / Zikir dan Doa

- Antara zikir yang disukai oleh Nabi s.a.w dan para Anbiya' sebelum baginda ialah:
 - لا اله الا الله وحده لا شريك له له الملك وله الحمد
(يحيي و يميت) وهو على كل شيء قدير
- “Tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah. Tiada sekutu bagiNya. BagiNya segala pemilikan dan pujian. Dialah yang menghidup dan mematikan dan Dia maha berkuasa atas segala sesuatu.” [Al-Tirmizi dan Ahmad]

- Fadhilatnya tiada taranya. Daripada Abu Zar al-Ghifari r.a, Nabi s.a.w bersabda:
“Barangsiapa yang membacanya sepuluh kali selepas fajar dalam keadaan tetap kedua-dua kakinya akan dititipkan baginya sepuluh kebajikan dan dihapuskan sepuluh keburukan (dosa) dan diangkat sepuluh darjat. Seluruh harinya akan dipelihara dari segala perkara yang tidak diinginkan dan dipagar dari gangguan Syaitan dan tidak ada dosa yang mengirinya pada hari itu kecuali jika dia berlaku syirik kepada Allah.” [Al-Tirmizi dan Ahmad]

5. Bersahabat dengan Al-Quran

- Sabda Nabi s.a.w: "Bacalah al-Quran. Sesungguhnya al-Quran akan datang pada hari akhirat nanti sebagai syafaat kepada pendampingnya (ketika di dunia)." [Muslim]
- Antara mukjizat Al-Quran ialah ia diutuskan untuk mengimbangi dan menjadi 'supplement' (khasiat harian) kepada ruh manusia.

6. Cintakan Ilmu dan melazimi majlis ilmu

- Nabi s.a.w juga menitip pesan: "Menuntut ilmu itu merupakan kewajiban bagi setiap individu muslim." [Ibnu Majah – Hadis ini dikategorikan sebagai Hasan].
- Aqidah, Feqh, Tafsir, Hadis dan Tasauf

7. Halal haram dalam kewangan dan muamalat

- surah al-Baqarah ayat 278-279:

• يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ^ص وَإِن تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ

- Ertinya : “Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah segala bentuk-bentuk riba jika benar kamu orang-orang yang beriman. Maka jika kamu tidak melakukannya sesungguhnya kamu telah mengisytiharkan peperangan dengan Allah dan RasulNya. Jika kamu bertaubat, maka ambillah modalnya (pokok harta tersebut) dan kamu tidak menzalimi dan dizalimi.”

Sabda Nabi s.a.w: •

• إذا ظهر الزنا و الربا في قرية ، فقد أحلوا
بأنفسهم عذاب الله

- “Jika perzinaan dan riba berlaku secara berleluasa dalam sebuah kawasan, maka penduduknya telah menghalalkan turunnya azab Allah kepada mereka.” [Lihat Sahih al-Jami’e no 679, Syeikh Nasir al-Din]